

Bicara Ilmu Bangi @ PTSL: Dari Titik Sejarah ke Kota Ilmu

Pembentangan (Bahagian Syahrul Sazli Shahrir)

- Pusingan 1: Latar Belakang dan Sejarah
- Pusingan 2: Tinggalan Sejarah
- Pusingan 3: Kenangan
- Rumusan

Pusingan 3: Kenangan (1980-an)

Perkongsian membesar di Bandar Baru Bangi

Soalan:

- Apakah kenangan yang paling memberi kesan ketika membesar di Bandar Baru Bangi – sekolah, komuniti, perubahan bandar?



"Reflection (Taman Tasik Cempaka): Watercolor on Khadi paper, 30cm x 42cm" (Azmanner, 2020: "Reflection (Taman Tasik Cempaka)").

01. Fasa 1 (Seksyen 1), 1981-1983

01a. Rumah di Jalan 1/3C



Di rumah Jalan 1/3C (1981-1983) (Gambar: Sazli Shaharir, sekitar 1981-1983).

01b. Surau Al-Umm (kini)



Surau Al-Umm (kini). (Gambar: Sazli Shahrir, 2025).

No 6, Jalan 1/3G (Berhampiran rumah).

Dibuka secara gotong royong pada tahun 1978.

Bandar Baru Bangi mula diduduki sekitar Disember 1977, di Seksyen 1 kini. Ketika itu belum ada masjid atau surau, dan solat jemaah diadakan dari rumah ke rumah. Pada 4 Februari 1978, persatuan penduduk telah ditubuhkan, diketuai oleh Encik Omar Jaafar. Melaluinya penduduk telah berusaha mendapatkan bangunan surau dari pihak Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS). Pada 5 Ogos 1978, PKNS telah memperuntukkan sebuah rumah semi D beralamat No. 6, Jalan 1/3G sebagai surau tersebut. Gotong-royong diadakan bagi membersihkan rumah ini, dan keesokannya (6 Ogos / 1 Ramadhan) ianya mula diimarahkan. Sebagai surau pertama, ia diberi nama 'Al-Umm' (Ibu): "Untuk memenuhi keperluan penduduk pihak PKNS membenarkan sebuah rumah semi D di No. 6 Jalan 1/3G dijadikan surau. Ini merupakan pertama kali surau di BBB dan mula digunakan pada 6 Ogos 1978 bersamaan 1 Ramadhan 1398H. Pertambahan surau berlaku dengan bertambahnya seksyen-seksyen sehingga ada yang melebihi dua surau bagi satu seksyen."



(Gambar: Sazli Shahrir, 2025)

Masjid Al-Umm kini, dibina berdekatan, sebelah padang awam. Dirasmikan 2017

Semenjak itu, beberapa surau telah didirikan di sekitar Bandar Baru Bangi, seiring dengan pertambahan kawasan-kawasan perumahannya. Oleh kerana itu, tiada keperluan mendesak untuk menggantikan surau ini dengan bangunan yang baru. Ia terus beroperasi selama hampir 40 tahun, sehinggalah bangunan masjid yang baru siap dibina bersebelahan padang awam Seksyen 2. Ianya dirasmikan sebagai Masjid Al-Umm, pada 16 Disember 2017.

(Sumber: Dr Shafie Abu Bakar, 7 November 2017: "[40 TAHUN BANDAR BARU BANGI : PENCAPAIAN DAN KEMAJUAN - RUMUSAN](#)").



Taman permainan Jalan 1/3C (kemudian?) (Gambar: Sazli Shahrir, 2025).

Pemandangan dari taman permainan Jalan 1/3C ke arah barat laut

01c. Deret kedai Jalan 1/2 (kini)



Lokasi pertama Kedai Devi / Maniam (1979). Pindah ke Jalan 6 (Seksyen 16) (1988). Selepas itu Kedai Gunting Devi di Seksyen 15 dan Seksyen 3.

"Kedai runcit ini sebenarnya diberi nama Kedai Runcit Devi (isteri kepada Uncle Maniam) tetapi lebih dikenali dengan panggilan 'Kedai Maniam'. Mereka memulakan perniagaan runcit ini seawal 1979 dan lokasi pertama kedai runcit mereka adalah di Jalan 1/2 seksyen 1 BBB (berdekatan Sekolah Memandu Mazris). Pada tahun 1988 mereka berpindah ke seksyen 16 (atau dikenali dengan Jalan 6) dan kekal sehingga kini. Selepas itu mereka mengembangkan perniagaan mereka dengan membuka Kedai Gunting Rambut Devi bersebelahan kedai runcit mereka di Jalan 6. ... Kini mereka telah mempunyai 3 cawangan kedai gunting rambut di sekitar BBB iaitu di seksyen 16, seksyen 15 dan seksyen 3. ... Perniagaan kedai runcit dan gunting rambut ini diasaskan oleh Puan Devi dan Encik Maniam. Apa yang menarik tentang kedai ini dan mampu bertahan lama adalah kerana kedai runcit mereka beroperasi setiap hari seawal jam 6 pagi dan ditutup pada 10 malam." (Fairuz Mustafa @ Gedung Minda Botak, SEPTEMBER 19, 2021:

"Kedai Maniam : Kedai Runcit Terawal di Bandar Baru Bangi").

KOMEN: *"Sekitar tahun 1988-1991 lokasi 'Devi Kedai Runcit' & Kedai gunting rambut uncle maniam ni di No.6 Jalan 1/7E (jalan masuk lama ke SMKBBB)." (Firdaus Abas @ Facebook, 19 September 2021).*

Selalu beli akhbar dan majalah di kedai Pak Haji Kassim

Mazris: Tempat belajar memandu

01d. Klinik Ng (kini)



Di Jalan 1/8C

Klinik terawal di BBB (1981?)

"Klinik Ng Sdn Bhd adalah klinik yg paling awal berkhidmat di BBBangi, sejak 80an lagi.. dan ianya masih beroperasi sehingga ke hari ni!" (ibangi.my : Bandar Baru Bangi Online Community, 13 Mac 2013: "[Lejen / Legend BBBangi](#)").

01e. Deret kedai Jalan 1/4 (kini):



No. 4, Jalan 1/4 (99 Speedmart) (Gambar: Sazli Shahrir, 2025).

Pasar Mini Tanjung (1980-an)

No.4 (kini Speedmart): Tum Tailor (1990-an), pindah dari Bangunan UDA, KL. 2003 di Alamanda dan 2007-kini di Seksyen 9 BBB.

Sekitar tahun 1990-an, kedai jahit Tum Tailor telah berpindah dari premis asalnya di Bangunan UDA, Jalan Pantai Baru, Kuala Lumpur, ke premis 2 tingkat beralamat di No. 4, Jalan 1/4, Bandar Baru Bangi. Pada Ogos 2003, ia berpindah ke Alamanda Putrajaya. Pada Ogos 2007, Tum Tailor berpindah pula dari Alamanda ke bangunan 3 tingkat yang dibeli di Seksyen 9, Pusat Bandar Baru Bangi, dan kekal beroperasi sehingga kini. (Sumber: Noraini Razak @ MalaysiaGazette, 1 July 2017:

"40 tahun menjahit, Tum Tailors tidak menghampakan pelanggan").

No.8: Balai polis (1997)

01f. Deret kedai Jalan 1/4 (sekitar 1981-1982)



Pejabat Sementara PUSPATI di No. 4, Jalan 1/4, Bandar Baru Bangi, sekitar 1981-1982. Sumber-sumber alamat:-

No.4: Pejabat Sementara Pusat Penyelidikan Atom Tun Ismail (PUSPATI), 1981-1982.

(Sumber dan gambar: Agensi Nuklear Malaysia:

"SEJARAH NUKLEAR MALAYSIA").

01g. Kompleks PUSPATI (sekitar 1982)



(Sumber gambar: Agensi Nuklear Malaysia:

"SEJARAH NUKLEAR MALAYSIA").

1979: Pembinaan kompleks PUSPATI di Hutan Simpan Bangi seluas 27 hektar (di antara UKM dengan Pekan Bangi).

1982: Mula beroperasi. Gambar ini mungkin sekitar waktu itu.

Permulaan Pembangunan infrastruktur PUSPATI di tanah seluas 27 hektar, yang terletak di antara UKM dengan perkampungan sekitar Bangi: *"Infrastructural development on the 27-hectare at Bangi commenced in January 1979, culminating in its coming into full operation in June 1982 with the commissioning of its nuclear research reactor. PUSPATI was later renamed the Nuclear Energy Unit (UTN) in June 1983 on being placed under the auspices of the Prime Minister's Department."* (Asia Research News:

"[Malaysian Institute for Nuclear Technology Research \(MINT\)](#)"). Tapak perancangan asalnya ialah di Sungai Buloh, sebelum ditukar ke Bangi atas "sebab-sebab teknikal dan keselamatan serta kesesuaian kawasan". Sementara itu pejabat sementara PUSPATI beroperasi di Bandar Baru Bangi.



Agensi Nuklear Malaysia kini (Gambar: Sazli Shahrir, 2025).

01h. Sekitar Medan Usahawan Bangi (kini)



Medan Usahawan Bangi (Gambar: Sazli Shahrir, 2025).

1980-an: Tapak pasar malam. Beli tauhu sumbat dan asam buah cermai.

1990-an: Kedai makan (Adam Seafood) jadi tumpuan.

01i. Pasar Basah



(Gambar: Sazli Shahrir, 2025).

Pasar basah. Dibina selepas deretan kedai siap dibina, sekitar 1980-an.

(Sumber: Yusoff Osman, penduduk BBB sejak 1978).

01j. Pasar Mini Kiat Seong (kini)



Pasar Mini Kiat Seong kini, di lot tepi Jalan 1/4A, Seksyen 1 BBB

Di lot tepi Jalan 1/4A, sebelah pasar.

Kiat Seong berasal dari Dengkil.

Uncle Siong berasal dari Dengkil dan amat selesa dengan komuniti BBB yang majoritinya adalah masyarakat Melayu.

Dibuka tahun 1988, selepas berhenti kerja. 3 daripada 4 orang anaknya lahir ketika di BBB.

“Uncle Siong memulakan perniagaan ini pada tahun 1988 setelah beliau berhenti kerja. ... Uncle Siong mempunyai 4 orang anak dan 3 orang daripadanya lahir semasa beliau telah memulakan Pasar Mini Kiat Siong di BBB.”

Asalnya di lot tengah, tapi berpindah setelah kedai percetakan di lot tepi ditutup.

“Bermula dari menyewa lot kedai tengah (intermediate) dan setelah perniagaan percetakan di sebelah lot kedai beliau tutup, beliau berpindah ke lot tepi (lokasi kedai sekarang) di Jalan 1/4A, Seksyen 1 BBB.”

Lot lamanya diambil alih adiknya (Kedai jahit dan kedai Runcit).

"Kini lot kedai lama beliau diambil alih oleh adiknya yang menjalankan perniagaan jahitan dan runcit."

Kemuncak: 1993-1996, oleh kerana masih ramai anak kecil dan remaja di sekitarnya.

"Berkongsi kenangan manis beliau ketika perniagaannya memuncak adalah pada sekitar tahun 1993 - 1996 kerana pada waktu itu komuniti BBB dipenuhi oleh kalangan kanak-kanak dan remaja serta kerancangan pembangunan di BBB pada ketika itu."

(Sumber: Fairuz Mustafa @ Gedung Minda Botak, 4 Ogos, 2021:

"Kedai Runcit Legenda Bangi – Pasar Mini Kiat Siong").

02. Pindah ke Fasa 2 (Seksyen 3), 1983

02a. Rumah di Jalan 3/4



(Gambar: Sazli Shahrir, sekitar 1983-1985)

- Gambar: di tanah kosong (kini rumah-rumah banglo) bersebelahan Jalan 3/3, menghadap perumahan kami di Jalan 3/4.


02b. Rukun tetangga Seksyen 3 (sekitar 1983-1985):



(Gambar: Sazli Shahrir, sekitar 1983-1985)

- Gambar diambil di Jalan 3/2, mungkin selepas bergotong-royong.
- Jadual kawalan kejiranan (beberapa orang bergilir meronda setiap malam).

02c. Rumah di Jalan 3/4 (sekitar 1985-1986):



(Gambar: [Faisal Zulhumadi @ Facebook, 2014](#))

- Pemandangan dari pekarangan rumah, menghadap Bukit Bangi (Seksyen 2) di sebelah barat, sekitar 1985-1986.

02d. Rumah Jalan 3/4, Menghadap Rumah Teres dan Pangsa (1985)



(Gambar: [Faisal Zulhumadi @ Facebook, 2014](#))

- Pemandangan dari pekarangan rumah, menghadap perumahan teres dan rumah pangsa baru di sebelah utara, sekitar 1985-1986.


02e. Rumah Jalan 3/4, kini



(Gambar: Sazli Shahrir, 2023).

- Dahulu berbaringan pada waktu malam, boleh dengar kereta api lalu di landasan Kg Sg Tangkas.
- Kini, persimpangan Persiaran Pekeliling di hujung jalan ini adalah antara yang paling berbahaya di BBB.

02f. Tanah Lapang (Timur) (sekitar 1985-1986)



(Gambar: [Faisal Zulhumadi @ Facebook, 2014](#))

- Blok rumah kami sahaja yang ada di Seksyen 3 selama beberapa tahun, diikuti rumah teres dan pangsa berdekatan.
- Mungkin bahagian tenggara ladang West Country Estate ini ditebang dengan meluasnya sekitar 1983-1984 untuk dibangunkan, namun terhenti akibat kemelesetan ekonomi 1985-1986.
- Tanah lapang ini meluas sehingga ke bekas lombong di pinggir Sungai Langat (kini Taman Bangi 3, Seksyen 3 Tambahan - mungkin gambar ini menghadap ke situ), dan kawasan yang belum ditebang di sebelah utara (Seksyen 4 kini).

02g. Parit Besar (sekitar 1985-1986)



(Gambar: [Faisal Zulhumadi @ Facebook, 2014](#))

- Mungkin sekitar parit besar Seksyen 3 kini, terdapat alur parit yang belum sempurna, mengalir hingga ke bekas lombong di sebelah tenggara (mungkin sekitar Pangsapuri Damai Residensi, Seksyen 3 Tambahan kini).
- Di sekitarnya ada “gua-gua” kecil, dan di hujungnya ada seakan “air terjun”. Mungkin gambar “perkelahan” ini diambil di sekitar kawasan tersebut.

02h. Pasar Mini Desa



(Gambar: Sazli Shahrir, 2025)

- Di lereng bukit Jalan 2/4e
- Berbasikal dari Seksyen 3 melalui Persiaran Pekeliling (ketika itu masih lengang).
- Pertama kali beli Cornetto (50 sen) dan Nutella kecil (50 sen juga rasanya).
- Kini telah tiada.

03. SRK BBB (1981-1986)

03a. SRK BBB Kini



(Gambar: Sazli Shahrir, 2025).

Dibuka tahun 1981.

Dahulu hanya 1 blok 2 tingkat paling hadapan sahaja. - 8 bilik darjah 1-4, 1 kantin, 177 murid, 8 guru.

"SK BBB telah ditubuhkan pada 11 April 1981 dan beroperasi secara rasmi pada 2 Mei 1981 dengan satu blok, 8 bilik darjah dan sebuah kantin. Pada masa itu hanya terdapat 177 orang murid dan 8 orang guru daripada tahun 1 hingga tahun 4 sahaja." (["sejarah sekolah". R.Barthy, August 5, 2007](#))

Di belakangnya padang sekolah.

Padang yang di hadapan ini ialah padang awam di luar sekolah. Pernah ada latihan sukan balapan di sini.

03b. Darjah 5 Putih (1985)



Darjah 5 Putih, SRK BBB (SK Jalan 2 kini), 1985 (Koleksi Peribadi)

04. Lorong Basikal dan Pejalan Kaki (kini):

04a. Perancangan Asal



Di Fasa 1 (di depan pasar, 13 Ogos 2021).

Perancangan asal PKNS: Laluan utama yang menghubungkan di antara kawasan-kawasan perumahan dengan premis serta kemudahan awam (sekolah, pasar, dll).

“Perkara yang penting dalam rancangan Bandar Baru ini ialah konsep mengutamakan kegunaan lorong-lorong berjalan kaki dan lorong berbasikal, yang akan menyambungkan segala aktiviti-aktiviti satu-satu kawasan kediaman dengan yang lain dibandar tersebut. Lorong-lorong ini akan dapat dilihat sebagai satu tempat perkembangan bagi kawasan sekelilingnya dengan adanya kemudahan-kemudahan sosial, pelajaran dan lain-lain lagi disepanjang jaraknya. ... Lorong-lorong ini menyediakan rangka asas bagi menghubungkan kawasan-kawasan dan penduduk-penduduk sekitar.”

Hentian bas di setiap pertemuan lorong dengan jalan besar.

“Tempat-tempat perhentian bas akan diadakan ditakat mana lorong-lorong tersebut bertemu dengan jalan besar.”

(Sumber: PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI SELANGOR (PKNS) @ Arkib Negara 2006/0033913W, 31/12/1974:

"PELAN STRUKTUR BANDAR BARU BANGI - 1974").

Dibina merentasi Fasa 1 dan 2, secara berperingkat.

Digunakan sekitar 1980-1990-an, kemudian terbengkalai.

Gambar: Bahagian berhadapan pasar basah (2021), masih boleh dilihat lorong pejalan kaki, diapit lorong basikal (kiri dan kanan).

04b. Terowong di bawah Persiaran Pekeliling (kini):



(Gambar: Sazli Shahrir, 2024).

- Bahagian lorong yang menghubungkan Seksyen 2 dan 3.
- Ketika musim PKP (2020), Persatuan Penduduk BBB, dengan dibantu MPKj, PKNS, Surau Damai, PIBG SMKBBB dan SKBBB, dan Kelab 4x4 Delta Sierra bergotong royong membersihkannya. (Muhamad Aliff Kamal @ Komen Facebook, 2020: "[PEMULIHAN TEROWONG BERHANTU DI SEKSYEN 2 BBB \(FB Mazwan Johar\)](#)")
- Pada Mac 2023, MPKj menaik taraf lorong bahagian ini, siap pada November 2023.
- Dinamakan sebagai "Green Lung Lane" (kemudiannya "Pintasan Hijau"). (Majlis Perbandaran Kajang, 2023)

05. UKM

05a. Masjid UKM (1982)



Pandangan Kampus UKM Bangi dari bulatan ke Persiaran Universiti , circa 1984. Sumber: Nadi Bangi, Jun 1984 (Harith Faruqi Sidek, 22 November 2019: "[Anda datang Membawa harapan, pastikan anda pulang membawa kejayaan](#)").

Masjid UKM dalam pembinaan: "MASJID UKM telah dibina di atas tapak seluas dua hektar yang terletak di hadapan pintu masuk utama Universiti Kebangsaan Malaysia. Pembinaannya dimulakan pada 16 Mac 1979 dengan kos berjumlah RM 5.1 juta. Ia telah diserahkan secara rasmi kepada pihak Universiti Kebangsaan Malaysia pada hari Rabu 14 April 1982. Usaha pengimarahannya bermula pada hari Jumaat 16 April 1982. Reka bentuk Masjid UKM adalah hasil ilham Encik Abdullah Bakri, bekas Pengarah Unit Pembangunan, UKM. Bangunan ini dikelilingi oleh enam menara dan sebuah menara besar setinggi 6666 sentimeter yang telah diilhamkan oleh Tun Syed Nasir, bekas Pro Canselor UKM." (Pusat Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM):

"Sejarah Penubuhan Masjid". Pusat Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)).

Berbasikal ke sini tiap Jumaat sekitar 1980-an.



Pemandangan menghala balik dari masjid. Gambar ketika perasmian UKM pada 2 September 1980. Gambar dilitari bukit di sebelah bulatan utama BBB (kini sekitar EzyDurian, Beverly School, dan Klinik Kesihatan). (Universiti Kebangsaan Malaysia - UKM @ Facebook, 27 April 2016: "[TAHUKAH ANDA](#)").

05b. Taman Siswa Muda (1980)



"Tadika Tunas UKM ditubuhkan pada sekitar tahun 1980 yang ketika itu dikenali sebagai Taman Siswa

Muda, Bahagian Asuhan yang dikendalikan oleh Fakulti Sains Sosial &Kemanusiaan (FSSK) manakala Bahagian Pra-sekolah dikendalikan oleh Fakulti Pendidikan. Pada tahun 1999 UKM Holdings telah mengambil alih dan menukarkan namanya kepada Taman Asuhan Kanak-Kanak UKM. Bermula pada tahun 2009, tadika UKM kembali diserahkan semula ke Fakulti Pendidikan UKM dengan nama Tunas Permata. Pada 02 Mei 2018, Fakulti Pendidikan telah bersetuju menukar nama Tunas Permata kepada Tadika Tunas UKM." (Fakulti Pendidikan UKM: "[Kenali Kakitangan Tadika Tunas UKM](#)").

06. Kilang



Antara barisan pemasangan terawal di Denso, 1983: *"Starter products commenced production with the support from Japan."*

Pada April 1980, Nippondenso (DENSO) Corporation dari Jepun telah menubuhkan sebuah syarikat usahasama tempatan yang dinamakan Nippondenso (DENSO) Malaysia Sdn. Bhd.: *"In 1980 Nippondenso formed its first South American subsidiary, in Brazil. That same year, the company entered Malaysia with the formation of Nippondenso (Malaysia) SDN./BHD. Three years later a second Malaysian subsidiary was established. Products of the three new sales and manufacturing subsidiaries included air conditioners, air conditioner compressors, windshield washers, alternators, starters, and radiators."* (encyclopedia.com:

"Nippondenso Co., Ltd.").

"The humble beginning of DENSO Malaysia can be traced back to April 1980, when a joint venture between DENSO Corporation, Japan and a local partner, where it was called Nippondenso Malaysia then."

(Sumber: Denso, 2021:

"Heritage";

"Pacing Ahead in Automotive Technology").

07. Ke Pekan Kajang

07a. Bas Sum



"Stesyen bas Sum Kajang ,foto sekitar tahun 1986 ." (Mustafa bin Yahya (Tapa Seni Rimba) @ Facebook Bandar Kajang Group, 19 April 2019: "Stesyen bas Sum Kajang ,foto sekitar tahun 1986").

07b. Bas Foh Hup Kajang



"Suatu masa dahulu di Bandar Kajang. Kredit : Tapa Seni Rimba" (Facebook Bandar Kajang, 28 November 2020:

"Suatu masa dahulu di Bandar Kajang").

08. Hiburan


08a. Drama PJ (1983)



Tangkap layar suatu babak di perkampungan, dalam drama ini (ahmad al-harith @ Youtube, 3 Julai 2020: "PJ Holdings")

Sebuah perkampungan di Bangi telah menjadi salah satu lokasi utama penggambaran siri drama televisyen bertajuk 'PJ Holdings' terbitan Helan Abu (tempat asal beliau, pernah bersekolah di SK Bangi), di bawah RTM. Penulis skripnya, Zain Mahmood (ketika itu Timbalan Ketua Pengarah RTM) telah mengolah ceritanya menurut ilham Menteri Penerangan, Datuk Seri Adib Adam, bagi memupuk nilai integrasi bangsa, budaya pandang ke timur, etika dan semangat kerja, serta pemindahan teknologi moden, kepada rakyat. Mesej ini telah disampaikan melalui pengalaman watak utamanya, "Johan", seorang budak kampung yang gigih berusaha, sehingga menjadi niagawan yang berjaya. Antara mesej simbolik di dalamnya ialah watak Puspa (anak Johan), yang lahir pada 31 Ogos 1957 (tarikh kemerdekaan), dan meninggal dunia pada tahun 1969 (tahun rusuhan 13 Mei). Beberapa elemen plot dan penceritaan siri ini seakan siri TV US "Dallas" yang cukup popular ketika itu.

08b. Penggambaran Sitcom (1985)



"Recording sitcom SYYY.. nama asal PIMAI2 TANG TU , Dirakam di panggung Cubaan UKM Bangi sekitar tahun 1985 utk siaran tv rtm . Set kampung setingan . Bermula dari persembahan pentas tahun 1983 di Panggung Bandaraya KL. Terima kasih Zulkifli Ibrahim utk gambar" (Imuda A. Rahim Muda @ Facebook, 26 Januari 2021:

"Recording sitcom SYYY").

Siri penggambaran pertama rancangan sitcom "SYYY" (nama asalnya "Pi Pi Mai Tang Tu") di Panggung Eksperimen (kini Panggung Seni), UKM, Bangi.

CATATAN 1: Ini adalah salah satu daripada beberapa siri sitcom televisyen yang diterbitkan oleh Othman Hafsham: "Sejarah perpindahan Pi Mai Pi Mai Tang Tu daripada teater kepada sitcom bermula dengan Othman Hafsham, iaitu penerbit Cinematic Sdn. Bhd. Beliau telah pun mempunyai

reputasi dalam dunia perfileman namun sentiasa hadir dalam persembahan tetapi tersebut yang diadakan. Oleh kerana Syyy... begitu istimewa, beliau tertarik terhadap teater persembahan tersebut dan bercadang untuk menerbitkannya dalam bentuk siri dalam televisyen. Hafsham mendapatkan kebenaran daripada Hatta Azab Khan untuk mengadaptasinya dalam versi sitkom untuk siaran di RTM. Meor Hashim Manap diminta mengadoptasi skrip Syyy... Lokasi penggambaran awalnya dilakukan di Panggung Eksperimen (sekarang Panggung Seni) Universiti Kebangsaan Malaysia. Kemudian Syyy..... kemudian bertukar nama Pi Mai Pi Mai Tang Tu apabila siarannya beralih ke TV3. Meor Hashim Manap diminta sekali supaya mengadoptasi skrip Syyy... itu menjadi genesis kepada sitcom Pi Mai Pi Mai Tang Tu." (ABD. GHANI BIN AHMAD, 2009:

"Pengurusan Persembahan: Pengalaman Peribadi di Belakang Tabir Penerbitan Sitkom Pi mai Pi Mai Tang Tu", m.s.4).

CATATAN 2: Siri rakaman ini adalah yang pertama dijalankan di hadapan penonton secara langsung: "Live audience atau rakaman di hadapan penonton secara langsung memang payah dibuat dan lambat. Pada pertengahan tahun 1980-an itu, hanya Othman Hafsham yang berani melakukannya. Saya masih ingat zaman tersebut Radio dan Televisyen Malaysia (RTM) mencipta sitcom dalaman mereka sendiri berjudul Santan Berlada. Suatu malam Hafsham membawa saya meninjau rakaman sitcom tersebut yang dibuat di sound stage Filem Negara di Petaling Jaya. Kami sedikit kecewa kerana sebilangan penonton yang hadir tidak diletakkan di hadapan pentas tetapi dikurung dalam sebuah bilik dan mereka hanya menonton melalui monitor televisyen dan gelak ketawa mereka dirakam.

Hafsham berkeras mahu membawa penonton ke dalam studio dan menonton lakonan secara langsung. Itulah yang saya katakan keberanian luar biasa Hafsham. Syarikat rakaman milik Hafsham dan isterinya sanggup berbelanja lebih bagi mendapatkan kumpulan penonton secara spontan. Penonton dijemput hadir sebagai tetamu undangan dan mereka dilayan serta dijaga dengan baik. Makan minum dan perjalanan untuk datang ke studio ditaja oleh penerbit, kerana penerbit yang memerlukan mereka sedangkan mereka ada pilihan untuk hadir atau tidak.

Sekalipun payah dan rumit, cara ini didapati sangat banyak membantu memberikan kesegaran kepada rakaman yang dibuat di studio kerana para pelakon merasakan lakonan mereka dihargai secara langsung. Impak atau kesan yang sangat menarik itu timbul kerana kespontanan itu memberikan reaksi dan maklum balas kepada pelakon serta penerbitan itu sendiri.

Oleh yang demikian, apabila saya menulis, mengarah dan menerbitkan sitcom Karim Karan yang dirakamkan di Panggung Eksperimen, Universiti Malaysia Sarawak (Unimas) sekitar tahun 1997, saya menggunakan format ajaran guru saya Hafsham, dengan rakaman secara langsung di hadapan penonton. Saya kembali ke zaman rakaman pertama sitcom Syyy! yang dibuat di Panggung Eksperimen, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) di Bangi, Selangor sekitar tahun 1984 dengan penonton berbayar atau mereka membeli tiket untuk menonton dan bergelak ketawa."

(Hatta Azad Khan, 2018:

"Menulis Sitcom - Mencontohi Pi Mai Pi Mai Tang Tu", m.s.12-13).

09. Darussyifa' (1988)



“Ustaz Haron Din telah lama menceburkan diri dalam bidang rawatan tetapi tidak secara teratur dan serius berbanding dengan kegiatannya ketika di Kajang dan Bandar Baru Bangi. Selain memberi rawatan, Ustaz Haron Din juga merupakan tempat rujukan untuk mendapat khidmat nasihat oleh orang ramai yang menghadapi pelbagai masalah.

Kegiatan yang dilakukan oleh Ustaz Haron Din telah menarik minat sesetengah golongan untuk belajar daripadanya. Pada akhir tahun 1977, beberapa orang pelajar dari Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia telah datang menemui beliau meminta agar mereka ditunjuk ajar serba sedikit Ilmu Pengubatan Islam. Setelah berlaku beberapa pertemuan dan mereka memperlihatkan kesungguhan, maka bermulalah beberapa siri pembelajaran Ilmu Pengubatan secara kecil-kecilan. Kegiatan tersebut diadakan di tempat kediaman Ustaz Haron Din sendiri di Taman Bangi Jalan Reko, Kajang. Pertemuan-pertemuan ini terus berlaku dalam keadaan yang kurang tersusun. Setelah berpindah ke Bandar Baru Bangi (kediaman sekarang di No. 3, jalan 1/7D, Bandar Baru Bangi) bilangan pelajar yang menghadiri kelas semakin bertambah.

.....

Pada hari Ahad 17 April 1988, bertempat di rumah Ustaz Haron Din satu mesyuarat penubuhan persatuan telah diadakan. Seramai 88 orang telah hadir. Mesyuarat yang dipengerusikan oleh Yang Berbahagia Datuk Abdul Rashid ini telah bersetuju menubuhkan persatuan yang diberi nama “Persatuan Kebajikan dan Pengubatan Islam”. (Kini Persatuan Perubatan, Pengubatan, dan Kebajikan Islam Malaysia)”



“Bangunan Darussyifa’ mula digunakan pada hari Ahad 17 Mac 1991 bersamaan dengan 1 Ramadan 1411H. Anggota persatuan telah bersembahyang Maghrib berjemaah yang diimamkan oleh Ustaz Haron Din. Upacara majlis diteruskan dengan solat tarawih. Bangunan ini terus digunakan untuk rawatan dan kuliah pengubatan. Perasmian Bangunan telah dilaksanakan oleh Yang Berbahagia Tan Sri Dato’ Azman Hashim pada 1 September 1991.”

Tarikh	Butiran Keratan
1988.04.17	"Sejarah Darussyifa". Darussyifa', 12/06/2017

10. Surau-Surau

10b. Surau Al-Ehsan (1981)



Surau fasa pertama kini adalah Tabika Kemas Seksyen 2, Bandar Baru Bangi. (Sumber: Jabatan Kemajuan Masyarakat: KEMAS, 2021:

|
SENARAI ALAMAT TABIKA: SELANGOR, m.s.14. Gambar: [Google Maps](#), 1 Januari 2014).

“Pada 19 Jun 1981 penduduk dari Bandar Baru Bangi, Seksyen 2 telah bersepakat untuk menubuhkan sebuah surau fasa pertama iaitu merupakan sebuah rumah teres setingkat beralamat NO 24 Jalan 2/4C untuk kepentingan bersama. Maka , mereka menubuhkan sebuah jawatankuasa surau yang dipengerusikan oleh Ustaz Abdul Rasyid manakala jawatankuasa penduduk pertama pula dipengerusikan oleh Haji Ahmad Yunus.”



Tahfiz ABIM, kini [SRI Ummah Al-Ehsan](#).

“Setelah penduduk di sekitar seksyen 2 semakin bertambah, mereka membuat keputusan untuk membina sebuah surau yang kedua pada tahun 1986. Surau Al-Ehsan fasa yang kedua ini bertahan selama 10 tahun yang dibina oleh Syeikh Ali Masyhur yang merupakan seorang pensyarah di UPM. Surau fasa kedua kini telah dijadikan sekolah tahfiz iaitu Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM).”

(Sumber: [Surau Al-Ehsan BBB](#), March 16, 2017:

"[Sejarah Penubuhan Surau \(Haji Ishak\)](#)").



Gambar Surau Al-Ehsan kini

10c. Surau Al-Ittihad (1982)



Surau asal yang diperbuat daripada kayu.

“Surau Al- Ittihad terletak di Jalan 1/5 Seksyen1, Bandar Baru Bangi. Penduduk di kawasan ini terdiri daripada 260 unit rumah, 8 unit kedai satu tingkat, 15 unit kedai dua tingkat, 1 unit pasar dan terdapat 25 unit gerai makanan. Kepadatan penduduk di Seksyen 1 ialah 99 peratus berbangsa Melayu dan beragama Islam dan 1% mewakili penduduk berbangsa Cina dan India. Sedikit sebanyak perkara ini menjelaskan bagaimana gambaran kawasan di sekitar Surau Al- Ittihad di Bandar Baru Bangi.

Pada tahun 1982, surau pertama telah dibina. Surau yang diperbuat dari kayu ini di bina setelah mendapat peruntukan daripada Kerajaan Negeri Selangor dan diluluskan oleh Ahli Undangan Negeri (ADUN) T.M Thurai (BN- MIC). Beliau merupakan ADUN berbangsa India dan bertanggungjawab ke atas kawasan Dengkil. Pihak surau menyatakan mereka tidak dibenarkan untuk membina surau pada awalnya, tetapi permohonan berjaya apabila pihak surau memohon untuk membina balai dan dibenarkan. Maka terdirilah sebuah surau kayu yang pertama di Bandar Baru Bangi dan surau ini digunakan selama 22 tahun iaitu dari tahun 1982 hingga 2002.”



"Pada tahun 2002, pihak surau telah merancang pembinaan surau baru yang lebih selesa. Pihak surau sekali lagi memohon peruntukan daripada Kerajaan Negeri Selangor untuk membiayai pembinaan surau baru. Permohonan diluluskan oleh Majlis Perbandaran Kajang (MPKJ) dengan separuh tapak padang permainan untuk pembinaan surau baru dan separuh lagi kawasan padang permainan dikekalkan. Setelah permohonan tanah diluluskan, pihak surau telah menerima peruntukan sebanyak RM 200,000.00.

Pembinaan surau baru ini bermula pada tahun 2003 dan siap pada tahun 2004. Nama Al-Ittihad diberikan kepada surau baru ini. Keluasan surau ini ialah 60 x 80 kaki persegi bersamaan 4800 kaki persegi."

(Sumber: Surau Al-Ittihad Bandar Baru Bangi:

"TENTANG AI-ITTIHAD" |

10d. Surau An-Nur (1986)

"Surau An-Nur telah dibangunkan di No 2 Jalan 1/7E sejak tahun 1986. Bermula 24 April 1986, surau ini menjadi pusat ibadat bagi kaum muslim di sekitar Seksyen 1, Bandar Baru Bangi. Gambar pertama memaparkan senibina dan keadaan surau ini di awal-awal penubuhan dan operasinya."



“Seiring pertambahan pembangunan & penduduk di sekitar , surau ini tidak dapat menampung jemaah dengan keluasan solat yang minima. Pada 27 Jan 1994, Surau An-Nur mula mendapat bangunan baru seperti gambar kedua yang dipaparkan. Surau ini juga mula dibenarkan untuk mengadakan solat Jumaat untuk kaum muslimin pada waktu ini.”



“12 tahun kemudian, surau An-Nur telah mengutip dana untuk pembesaran bangunan surau untuk memberi lebih banyak manfaat pada penduduk Muslim setempat. Pada 1 Mac 2008 surau telah melaksanakan pembinaan tambahan bagi menambah ruang surau. Gambar ketiga memaparkan senibina dan keadaan surau ini setelah selesai pembinaan tersebut sehingga kini.”

(Sumber: Surau An-Nur Bandar Baru Bangi, 2021:

"Tentang Surau: Sejarah Surau").

10e. Surau Damai



Surau Damai kini

10f. Surau Al-Sobah (1990)

"Surau Al Sobah (SAS) Seksyen 3 Bandar Baru Bangi telah mula dibina pada 1 Jun 1989 di atas tanah seluas 2,148 kaki persegi milik KPM yang sekarang telah didirikan SK Jalan 3 dan SMK Jalan 3 Bandar Baru Bangi. Pada awalnya pembinaan surau ini adalah dibiayai daripada sumbangan seorang dermawan Kuwait dan seterusnya surau ini diberikan nama Surau Al Sobah sempena nama keluarga Raja Amier Kuwait. Ianya siap dibina dan telah diresmikan oleh YB Dato' Dr Mohd Yusof Noor, Menteri di Jabatan Perdana menteri pada 11 Mac 1990. Pada tahun 2006 Jabatan Pelajaran Selangor melalui surat Bil. JPNS/SBP/TDP/A25094/01/81/01/Jld. 6 (06) bertarikh 10 April 2006 telah memberikan kebenaran secara resmi kepada surau untuk menggunakan tanah tersebut sebagai tapak bangunan surau. Seterusnya pihak surau telah memperolehi kebenaran daripada Majlis Agama Islam Selangor untuk mendirikan solat Jumaat melalui surat daripada Jabatan Agama Islam Selangor Bil. (08) dlm. JAI. Sel. BPM/01/051 Jld.4 bertarkih 26 Jun 2006. Ini telah memudahkan ahli kariah dan penduduk sekitar terutama pelajar-pelajar SK Jalan Tiga dan SMK Jalan Tiga untuk menunaikan solat Jumaat. Sebelum ini pihak sekolah dengan kerjasama PIBG perlu menyediakan bas-bas untuk menghantar pelajar-pelajar untuk menunaikan solat Jumaat ke Masjid yang berhampiran." (Surau Al Sobah:

"Tentang Kami").



Majlis perasmian Surau As-Sobah, pada 11 Mac 1990. (Sumber gambar: SURAU AL-SOBAH, 10 April 2017: "PERASMIAN SURAU AL-SOBAH, BANDAR BARU BANGI").



Bangunan surau As-Sobah yang asal (Persatuan Penduduk Bandar Baru Bangi, March 13, 2009:

"Surau As-Sobah, Seksyen 3").



Surau As-Sobah kini.

From:

<https://bangi.pulasan.my/> - **Cebisan Sejarah Bangi**

Permanent link:

https://bangi.pulasan.my/ukm_bbb_3?rev=1749723982

Last update: **2025/06/12 18:26**

